



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2017/2018

JMK 324 - PENULISAN KREATIF

Masa: 3 Jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Pilih dan jawab **EMPAT (4)** soalan.

.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

1. Sebelum sebuah skrip pentas ataupun filem dihasilkan, penulis terlebih dahulu perlu menyediakan *treatment* lengkap. Terangkan maksud serta fungsi *treatment* dan sebab *treatment* dijadikan prasyarat sebelum menulis skrip.

(25 markah)

2. Buah langsung kuning mencelah,
senduduk tidak berbunga lagi;
sudah dapat gading bertuah,
tanduk tidak berguna lagi

Daun sireh jangan dikait,
kalau kait mematah layu;
telunjuk lurus kelengkeng berkait,
itu pepatah orang Melayu

Pantun di atas merupakan contoh pantun peribahasa. Berdasarkan dua contoh tersebut, bina enam rangkap pantun menggunakan peribahasa yang lain.

(25 markah)

3. Apakah fungsi papan cerita dalam penghasilan cerpen?

(25 markah)

4. Josip Novakovich dalam teori penulisan kreatif yang dipelopornya telah mengemukakan bahawa penulis harus menulis *setting* sebagai *Alfa* dan *Omega*. Terangkan maksud beliau.

(25 markah)

5. Berdasarkan gambar dalam Lampiran, tulis sebuah sajak melebihi 30 baris.

(25 markah)

